

19 DEC 2000

Peguam-Ainum

AINUM PENASIHAT AMAT BAIK KERAJAAN, KATA MAJLIS PEGUAM

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Majlis Peguam percaya Peguam Negara yang baru Datuk Ainum Mohd Saaid akan menjadi penasihat yang amat baik kepada kerajaan, kata Presidennya Sulaiman Abdullah hari ini.

Selain itu, pelantikan Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti (SC) itu merupakan satu langkah ke arah memperluaskan peranan kaum wanita dalam sistem perundangan negara.

"Majlis Peguam berharap dengan pelantikan itu, peranan dan peluang bagi kaum wanita akan diperluaskan," kata Sulaiman kepada Bernama sebagai mengulas pelantikan Ainum yang diumumkan hari ini.

Pelantikan Ainum diumumkan melalui kenyataan pejabat Perdana Menteri yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ainum, 54, akan menggantikan Tan Sri Mohtar Abdullah, yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Dis ini. Beliau merupakan wanita pertama menyandang jawatan itu di negara ini.

Sulaiman berkata Ainum merupakan seorang yang bijak dan sentiasa teliti dan jelas dalam setiap keputusan yang dibuat.

Katanya lagi Ainum juga merupakan seorang yang rajin bekerja dan bertanggungjawab.

Malah tindakannya meninggalkan jawatan sebagai timbalan ketua eksekutif SC juga memperlihatkan kesungguhannya berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

"Mungkin gaji yang diperolehinya sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti jauh lebih lumayan tetapi kesanggupannya meninggalkan jawatan itu, jelas menunjukkan beliau mengutamakan kepentingan awam," katanya.

Sulaiman juga berharap pelantikan Ainum akan memberi perangsang dan menjadi contoh kepada para peguam yang lain.

-- BERNAMA

APG ES RON